

BENCANA BANJIR

KUALA TERENGGANU: FAKTA DAN ANGKA



LATAR BELAKANG

- Daerah Kuala Terengganu mempunyai 21 mukim iaitu Atas Tol, Batu Buruk, Belara, Bukit Besar, Cabang Tiga, Cendering, Gelugur Kedai, Gelugur Raja, Kepung, Kuala Ibai, Kubang Parit, Losong, Manir, Paloh, Pengadang Buluh, Pulau-Pulau, Rengas, Serada, Tok Jamal, Bandar Kuala Terengganu dan Pekan Cabang Tiga.
- Keluasan daerah Kuala Terengganu adalah 21,171 kilometer persegi.
- Kuala Terengganu telah mengalami pembangunan yang pesat pada masa kini setanding dengan bandar-bandar utama yang lain.
- Kejadian banjir di Kuala Terengganu adalah berpunca daripada penerimaan jumlah hujan yang tinggi selain fenomena air laut pasang. Kejadian ini kebiasaannya berlaku di kawasan tanah rendah yang tidak mempunyai laluan air dan menjadi lokasi air bertakung.

Sumber:

1. My Local Stats Kuala Terengganu, Terengganu 2023
2. Penemuan Utama Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 : Daerah Pentadbiran Kuala Terengganu.
3. <https://www.sinarharian.com.my/article/646030/edisi/terengganu/hujan-lebat-air-pasang-punca-banjir-kilat-di-terengganu>



MENGIMBAS BANJIR BESAR DI KUALA TERENGGANU, TERENGGANU



Sumber: <https://utusanv.com/2021/12/23/1926-1967-1971-tiga-peristiwa-banjir-terbesar-dalam-sejarah-negara/>

BANJIR BESAR TAHUN 1926

Banjir besar yang berlaku selama 10 hari bermula dari 28 Disember 1926 di Terengganu terutamanya di daerah Kuala Terengganu telah menyebabkan keadaan rumah yang ditenggelami air sehingga ke tingkat dua manakala balai polis ditenggelami sehingga ke paras bumbung.



Sumber: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2014/12/24876/terkini-banjir-di-kelantan-terengganu-pahang-tambah-buruk/>

BANJIR TAHUN 2014

Di Kuala Terengganu, seramai 2,732 mangsa telah dipindahkan di 8 Pusat Pemindahan Sementara (PPS) pada 23 Disember 2014 yang disebabkan oleh peningkatan paras air yang mendadak khususnya di sekitar Sungai Terengganu.




Sumber: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2016/11/218012/beberapa-kawasan-di-kuala-terengganu-dilanda-banjir-kilat>

BANJIR TAHUN 2016


Hujan lebat sejak waktu malam telah menyebabkan beberapa kawasan di daerah ini terutama di pusat bandar terjejas akibat banjir kilat yang dipercayai berpunca daripada masalah perparitan.



HIDROGRAF STESEN



Paparan hidrograf menunjukkan paras air stesen Sg. Terengganu di Rumah Pam Pulau Bahagia berada di paras amaran pada 27 November 2024 dan meningkat kepada paras bahaya pada 29 November 2024. Paras air mula menurun kepada paras amaran pada 1 Disember 2024.




Paparan hidrograf menunjukkan paras air stesen Sg. Terengganu di Muzium Terengganu telah meningkat kepada paras bahaya pada 29 November 2024 sehingga 2 Disember 2024. Paras air mula menurun kepada paras amaran pada 2 Disember 2024.


Sumber: https://publicinfobanjir.water.gov.my/wl-graph/?stationid=2130001_&datefrom=27/02/2023%2012:00&dateto=05/03/2023%2012:00&ymax=&ymin=&xfreq=6&datafreq=15



HIDROGRAF STESEN



Paparan hidrograf menunjukkan paras air stesen Sg. Terengganu di Bukit Tumbuh berada di paras amaran pada 29 November 2024. Paras air mula menurun kepada paras waspada pada 2 Disember 2024.



Paparan hidrograf menunjukkan paras air stesen Sg. Terengganu di Drawbridge telah meningkat kepada paras bahaya pada 1 Disember 2024 sehingga 3 Disember 2024. Paras air mula menurun kepada paras normal pada 4 Disember 2024.

Sumber: https://publicinfobanjir.water.gov.my/wl-graph/?stationid=2130001_&datefrom=27/02/2023%2012:00&dateto=05/03/2023%2012:00&ymax=&ymin=&xfreq=6&datafreq=15



RAMALAN CUACA


TARIKH	CUACA	RAMALAN
09/12/2024 Isnin	 Hujan menyeluruh	Pagi: Hujan menyeluruh Petang: Hujan menyeluruh Malam: Hujan menyeluruh Min: 24°C Maks: 30°C
10/12/2024 Selasa	 Hujan menyeluruh	Pagi: Hujan menyeluruh Petang: Hujan menyeluruh Malam: Hujan menyeluruh Min: 24°C Maks: 30°C
11/12/2024 Rabu	 Hujan menyeluruh	Pagi: Hujan menyeluruh Petang: Hujan menyeluruh Malam: Hujan menyeluruh Min: 24°C Maks: 30°C
12/12/2024 Khamis	 Hujan di beberapa tempat	Pagi: Hujan di beberapa tempat Petang: Hujan di beberapa tempat Malam: Hujan di beberapa tempat Min: 24°C Maks: 30°C
13/12/2024 Jumaat	 Hujan di beberapa tempat	Pagi: Hujan di beberapa tempat Petang: Hujan di beberapa tempat Malam: Hujan di beberapa tempat Min: 24°C Maks: 30°C
14/12/2024 Sabtu	 Hujan di beberapa tempat	Pagi: Hujan di beberapa tempat Petang: Hujan di beberapa tempat Malam: Hujan di beberapa tempat Min: 24°C Maks: 30°C
15/12/2024 Ahad	 Hujan di beberapa tempat	Pagi: Hujan di beberapa tempat Petang: Hujan di beberapa tempat Malam: Hujan di beberapa tempat Min: 24°C Maks: 30°C

Sumber: Jabatan Meteorologi Malaysia

BANJIR 2024

➤ Sejumlah 10 PPS beroperasi bagi menempatkan mangsa banjir di Daerah Kuala Terengganu sehingga 5 Disember 2024 adalah seperti berikut:

PETA TABURAN PENDUDUK MENGIKUT MUKIM / BANDAR / PEKAN DAN HOTSPOT PPS



Sumber: <https://infobencana.jkmv2.jkm.gov.my/portal/index>

Sumber: <https://infobencana.jkmv2.jkm.gov.my/portal/index> Data sehingga 05 Disember 2024

Senarai Pusat Pemindahan Sementara (PPS)

DAERAH KUALA TERENGGANU	
SEKOLAH	
•	PPS SK BANGGOL PERADONG
•	PPS SK KEBOR BESAR
•	PPS SK PALOH
•	PPS SK TELUK MENARA
•	PPS SK ATAS TOL
•	PPS SK BUKIT LOSONG
•	PPS SK PULAU MANIS
•	PPS SK SERI NILAM
•	PPS SK KAMPUNG BAHARU SERADA
•	SK PULAU BAHAGIA



Sumber: <https://www.kosmo.com.my/2024/12/04/14294-mangsa-banjir-masih-terjejas-di-terengganu/>



Sumber: <https://www.sinarharian.com.my/article/117925/edisi/banjir-di-terengganu-makin-buruk>

IMPAK BANJIR



Banjir: Sektor pertanian, agromakanan & perikanan Terengganu rugi RM6.6 juta

Baharom Bakar
am@bernama.com.my



AZMAK melancarkan pengumuman mengenai Jawatankuasa Tolong Bencana Pertanian negeri di Yema Dewi Iman, semalam. FOTO: Baharom Bakar

Kuala Terengganu: Sektor pertanian, agromakanan dan perikanan kerugian lebih RM6.6 juta akibat banjir gelombang pertama yang melanda negeri ini baru-baru ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Ketenteraman Makanan dan Komoditi negeri, Dr Azman Ibrahim berkata, sektor pertanian paling terkesan apabila 739 petani kerugian RM2.48 juta selepas lebih 1,300 hektar kawasan sawah musnah ditenggelami banjir.

Katanya, sektor agromakanan membabitkan seramai 250 petani pula dilaporkan mengalami kerugian RM1.3 juta selepas 162.4 hektar tanaman musnah ditenggelami banjir.

"Seramai 85 pengusaha ikan dalam sangkar kerugian kira-kira RM1.57 juta apabila sangkar musnah dihanyutkan air tekaman mati dan terlepas ke perairan umum," katanya kepada media di sini, hari ini.

Sumber: https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/12/1166684/banjir-sektor-pertanian-agromakanan-perikanan-terengganu-rugi-rm66-juta#google_vignette



Banjir: Penternak akuakultur, nelayan Terengganu rugi RM2.7 juta

NORHASPIIDA YATIM
Follow

15 Disember 2024 12:55pm
Masa membaca: 2 minit



Kawasan banjir yang melanda beberapa kawasan di Terengganu pada 11 Disember lalu. (Foto: Bernama) Gambar

HULU TERENGGANU - Seramai 112 penternak akuakultur dan nelayan di Terengganu menanggung kerugian kira-kira RM2.7 juta apabila kawasan dan hasil ternakan musnah dalam bencana banjir baru-baru ini.

Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Terengganu, Ruzaidi Mamat berkata, daripada jumlah itu, 85 orang merupakan penternak akuakultur manakala baki seramai 27 lagi adalah golongan nelayan.

"Berdasarkan data yang dikumpul sehingga 13 Disember (Jumaat), seramai 85 penternak akuakultur mencatatkan nilai anggaran kerosakan dan kerugian kira-kira RM1.5 juta dengan keluasan ternakan 9.5 hektar.

"Selain itu, 27 nelayan juga merekodkan nilai kerugian RM1.2 juta apabila harta benda milik mereka terutama alat tangkap ikan rosak," katanya di sini pada Ahad.

Sumber: <https://www.sinarharian.com.my/article/702324/edisi/terengganu/banjir-penternak-akuakultur-nelayan-terengganu-rugi-rm27-juta/>



English Malay 中文 Arabic Español தமிழ்

Am BernamaBiz Jenayah & Mahkamah Politik Sukan Gaya Hidup Wilayah Dunia

AM > BERITA

Kebun Jagung, Bendi Ditenggelami Air, Petani Rugi Lebih RM20,000

04/12/2024 03:15 PM



Pekerja ladang jagung milik petani Mohd Noor Besar melihat jagung yang rosak disebabkan banjir di Jalan Durian Mentangau hari ini.

PAKA, 4 Dis (Bernama) -- "Air naik terlalu pantas, luar dari kebiasaan," itulah luahan seorang petani, Mohd Noor Besar yang terpaksa menanggung kerugian lebih RM20,000 apabila kebun jagung dan bendi yang diusahakannya musnah dalam banjir yang melanda baru-baru ini.

Lelaki berusia 50 tahun yang sudah mengusahakan kebun itu selama 15 tahun, meluahkan rasa kecewa apabila sebanyak 16,000 pokok jagung yang ditanamnya pada awal Oktober lepas tidak dapat dipetik mengikut jadual melabatkan kerugian dianggarkan lebih RM8,000.

"Tanaman jagung ini sepatutnya boleh petik pada akhir November, tetapi disebabkan banjir dan paras air naik begitu cepat habis semua tanaman jagung saya ini musnah. Banjir teruk dijangkakan pada bulan Disember tapi (tidak sanaka) ia datang awal.

Sumber:

https://bernama.com/bm/am/news.php?id=2370966&fbclid=IwZx0bgNhZW0CMTAAAR1v-sw3OYo_B3ajbh1ILGga-w_t-JybXh0NANGRpOZDF7OEK8hyJ8E8ql_aem_miBNCwCBNNY9vL_7GN07g

Bekalan Ikan Mencukupi Sepanjang MONSUN TIMUR LAUT

Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) telah menyediakan **10,150 metrik tan stok** penimbal ikan untuk menampung keperluan sepanjang musim Monsun Timur Laut (MTL).

Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) telah menyediakan 10,150 metrik tan stok penimbal untuk memastikan bekalan ikan mencukupi sepanjang musim Monsun Timur Laut (MTL). Dengan kerjasama persatuan nelayan dan syarikat swasta, bekalan ikan tetap stabil untuk memenuhi keperluan pasaran.

Kerajaan juga meneruskan pemberian Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN) sebanyak RM300.00 sebulan kepada nelayan bertujuan untuk meringankan beban.

Like by exisham and others
5 days ago

Add a comment...



IMPAK BANJIR



BHITA SUKAN DUNIA HIBURAN BISNES RENCANA GAYA HIDUP SIHAT #MARILOKAL

NASIONAL KES POLITIK PENDIDIKAN WILAYAH

Banjir: 31 jalan di Terengganu ditutup kepada semua kenderaan

Oleh Baharom Bakar - November 28, 2024 @ 12:29pm
bhnews@bh.com.my



Jalan Kenyir ke Aring, Hulu Terengganu ditutup selepas berlaku mendapan tanah. - Foto NSTP/BAHAROM BAKAR

KUALA TERENGGANU: Sebanyak 31 jalan, termasuk dua jalan utama ditutup kepada semua kenderaan selepas dinaiki air berikutan hujan lebat sejak pagi semalam.

Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR) negeri, Ir Dr Hasli Ibrahim, berkata ia membabitkan tujuh di Besut, Hulu Terengganu (sembilan), Setiu (enam), Kemaman (lima) dan Dungun (empat).

Katanya, dua jalan utama yang ditutup adalah Jalan Seberang Jertih ke Bukit Yong sempadan Terengganu-Kelantan di Kampung Nangka, Besut yang dinaiki air sedalam kira-kira 0.8 meter (m) sejauh 600m dan Jalan Air Putih-Chukai di Kampung Tasik Biru, Kemaman yang ditenggelami air sedalam 0.35m sejauh 100 m.


Sumber: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/11/1329929/banjir-31-jalan-di-terengganu-ditutup-kepada-semua-kenderaan>



TUMPAT – Kementerian Kesihatan (KKM) mengalami kerugian hampir RM8.5 juta akibat kerosakan fasiliti perubatan semasa banjir gelombang pertama melanda Kelantan dan Terengganu baru-baru ini.


Menterinya, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, kerugian bernilai RM4 juta membabitkan kerosakan 77 fasiliti berlaku di Kelantan manakala di Terengganu sebanyak 30 fasiliti dengan kerugian bernilai RM2.5 juta.

<https://www.kosmo.com.my/2024/12/07/fasiliti-perubatan-rm6-5-juta-terjejas-akibat-banjir-di-kelantan-terengganu/>



Sumber: <https://www.trdi.my/banjir-tnb-tutup-bekalan-elektrik-di-sekitar-marang-kuala-terengganu>

99 Tabika Kemas di Terengganu terjejas banjir



Kuala Nerus: Sebanyak 99 Taman Bimbingan Kanak-Kanak (Tabika) Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) di Terengganu terjejas banjir dengan anggaran kerugian RM1 juta.

Pengarah KEMAS Terengganu Dr Faridah Mat berkata sebahagian besar kerosakan melibatkan peralatan, perabot dan atap bumbung yang diterbangkan angin kuat.


Beliau berkata terdapat keseluruhan 2,500 murid dan 300 petugas di kesemua lapan daerah negeri itu.

⁷Laporan mengenai kerusakan tabika telah dihantar ke Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) untuk tindakan dan penilaian lanjut.

Sumber: <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/12/1166782/99-tabika-kemas-di-terengganu-terjejas-banjir>



PROFIL DEMOGRAFI



Sumber :
 1. Penemuan Utama Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 : Daerah Pentadbiran Kuala Terengganu
 2. Anggaran Penduduk Semasa Mengikut Daerah Pentadbiran, Terengganu, 2024
 3. Statistik Perkahwinan dan Perceraian Malaysia, 2020 & 2024
 4. Perangkaan Penting Malaysia, 2021 & 2024
 5. My Local Stats Kuala Terengganu, Terengganu, 2023



PROFIL DEMOGRAFI MENGIKUT MUKIM, KUALA TERENGGANU, TERENGGANU

Berdasarkan Penemuan Utama Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020, maklumat penduduk, tempat kediaman, isi rumah, umur muda (0-14 tahun) dan umur tua (65+) mengikut mukim adalah seperti berikut:

MUKIM	JUMLAH	LELAKI	PEREMPUAN	TEMPAT KEDIAMAN	ISI RUMAH	UMUR MUDA (0-14) (%)	UMUR TUA (65+) (%)
MUKIM ATAS TOL	3,143	1,645	1,498	825	729	27.8	6.5
MUKIM BATU BURUK	14,579	7,022	7,557	4,337	4,352	23.7	8.2
MUKIM BELARA	18,843	9,594	9,249	4,951	4,234	29.1	6.8
MUKIM BUKIT BESAR	21,814	10,988	10,826	6,211	5,451	26.4	7.9
MUKIM CABANG TIGA	15,142	7,745	7,397	4,778	4,124	26.7	7.4
MUKIM CENERING	13,221	6,843	6,378	3,652	3,670	23.1	7.7
MUKIM GELUGUR KEDAI	7,701	3,889	3,812	2,064	1,789	27.7	6.6
MUKIM GELUGUR RAJA	2,240	1,119	1,121	571	504	29.1	5.2
MUKIM KEPUNG	7,989	3,973	4,016	2,059	1,851	25.8	7.7
MUKIM KUALA IBAI	13,984	6,981	7,003	4,487	3,558	26.0	6.8
MUKIM KUBANG PARIT	8,506	4,179	4,327	2,482	2,129	27.2	8.1
MUKIM LOSONG	8,861	4,437	4,424	2,339	2,119	23.2	9.7
MUKIM MANIR	32,119	16,322	15,797	8,559	7,594	27.7	7.2
MUKIM PALUH	9,128	4,558	4,570	2,369	2,093	25.8	8.8
MUKIM PENGADANG BULUH	17,129	8,619	8,510	4,621	4,044	30.0	6.2
MUKIM PULAU-PULAU	4,081	2,113	1,968	1,184	1,001	27.1	7.1
MUKIM RENGAS	3,637	1,818	1,819	932	882	25.8	7.7
MUKIM SERADA	8,893	4,633	4,260	2,191	1,919	29.1	6.1
MUKIM TOK JAMAL	6,196	3,104	3,092	1,540	1,519	26.6	7.7
BANDAR KUALA TERENGGANU	12,555	6,260	6,295	4,183	6,110	11.7	9.2
PEKAN CABANG TIGA	19	8	11	5	5	10.5	26.3
JUMLAH KESELURUHAN	229,780	115,850	113,930	64,340	59,677	26.0	7.5

Sumber: Penemuan Utama Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 : Daerah Pentadbiran Kuala Terengganu.

- Mukim yang mencatatkan peratus umur muda (0-14 tahun) tertinggi pada tahun 2020 adalah mukim Pengadang Buluh iaitu 30.0%.
- Mukim yang mencatatkan peratus umur tua (65 tahun dan lebih) tertinggi pada tahun 2020 adalah Pekan Cabang Tiga iaitu 26.3%.

STATISTIK SOSIOEKONOMI & KEMUDAHAN AWAM, KUALA TERENGGANU



PENDAPATAN ISI RUMAH KASAR BULANAN, 2022

	PURATA (RM)	PENENGAH (RM)
JUMLAH	7,109	5,872

RUMAH IBADAT



136 MASJID



4 TOKONG



2 KUIL



6 GEREJA

KESIHATAN

1 HOSPITAL
KERAJAAN



26 KLINIK
KERAJAAN

GUNA TENAGA



3.6% KADAR PENGANGGURAN
58.5% KADAR PENYERTAAN TENAGA BURUH

KESELAMATAN



1 IPD
7 BALAI POLIS



2 BALAI BOMBA

PENDIDIKAN

82 SEKOLAH
RENDAH



36 SEKOLAH
MENENGAH

PAKW, 2023

Bandar
RM 5,870



Luar Bandar
RM 4,237

Sumber : Indikator Kos Sara Hidup, Terengganu, 2023

KDNK, 2020

(RM Juta)



RM 6,041

Sumber : Keluaran Dalam Negeri Kasar Mengikut Daerah Pentadbiran Kuala Terengganu Terengganu, 2015 - 2020



BILANGAN PREMIS PERNIAGAAN MENGIKUT SEKTOR, KUALA TERENGGANU



Sumber : Malaysia Statistical Business Register (MSBR), 2024

LAPORAN KHAS IMPAK BANJIR DI MALAYSIA, 2024

NILAI KERUGIAN BANJIR KESELURUHAN	2023	2024
	RM755.4 juta	?

NILAI KERUGIAN BANJIR TERTINGGI MENGIKUT NEGERI		
JOHOR	2023	2024
	RM275.0 juta	?
KELANTAN	2023	2024
	RM139.7 juta	?
TERENGGANU	2023	2024
	RM77.7 juta	?

NILAI KERUGIAN BANJIR TERTINGGI MENGIKUT DAERAH		
	2023	2024
BATU PAHAT RM104.8 juta		?
SEGAMAT RM54.6 juta		?
PASIR MAS RM26.8 juta		?


NILAI KERUGIAN BANJIR MENGIKUT JENIS KEROSAKAN		
	2023	2024
TEMPAT KEDIAMAN RM168.3 juta		?
KENDERAAN RM22.3 juta		?
PREMIS PERNIAGAAN RM53.2 juta		?
PEMBUATAN RM10.3 juta		?
PERTANIAN RM120.6 juta		?
ASET AWAM & INFRASTRUKTUR RM380.7 juta		?




2024
LAPORAN KHAS
IMPAK BANJIR
DI MALAYSIA

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

PORTAL DAN DASHBOARD DOSM : MEDIUM SEBARAN STATISTIK



OpenDOSM




Kawasanku



MyLocal
Stats



SDG




MyDemograph
y



MyAgeing
Dashboard



MyPAKW



Portal Bencana NADMA

